# KISAH KEJAYAAN PUAN ASIAH BT ABDUL MANAP

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI1M**<br>**Nama PI1M** | Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Klawang |
| **Location**<br>**Lokasi** | Pi1M Kuala Klawang |
| **Name of person(s)**<br>**Nama** | Asiah Bt Abdul Manap |
| **Details of person (s)**<br>**Butiran diri** | 47, kakitangan sekolah (pembantu makmal) |
| **Success story**<br>**Kisah kejayaan** | 1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda<br><br>Pada mulanya, saya hanya ingin belajar menggunakan komputer untuk mempelajari perkara-perkara asas seperti Microsoft Word bagi menyelesaikan tugasan saya sebagai seorang pembantu makmal di sebuah sekolah menengah di sini. Walaubagaimanapun,setelah mempelajari asas-asas komputer bersama staf Pi1M,saya amat berminat untuk mempelajari asas-asas internet pula bagi memastikan saya berkemahiran dalam menggunakan internet. Hal ini lantaran saya perlu menggunakan komputer untuk menyelesaikan tugasan saya seperti mencari idea untuk membuat carta organisasi makmal di sekolah.<br><br>2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.<br><br>Setelah saya mempelajari komputer dan internet, hidup saya menjadi semakin baik. Saya dapat mencari video dan movie yang saya minat bagi mengisi masa lapang setelah pulang bekerja dari sekolah. Saya telah mempelajari cara-cara untuk memuat turun daripada kelas-kelas yang saya hadiri di sini. Saya juga telah mendapat pujian daripada guru-guru di sekolah saya kerana telah pandai untuk menggunakan Microsoft Word dengan semakin baik. |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Keterangan gambar**<br>**Photo caption** | Huraikan aktiviti dan orang pada setiap gambar yang telah disediakan.<br><br>Pelajar sedang mempelajari asas-asas menggunakan Microsoft Word.<br><br><br>Antara label untuk carta organisasi yang cuba dihasilkan<br><br>Pelajar belajar cara menggunakan aplikasi software Internet Download Manager |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br>Pelajar sewaktu menulis senarai peralatan makmal bagi digunakan untuk Pertandingan Makmal sekolah |
| **Feedback**<br>**Maklumbalas** | 1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?<br><br>Sebuah tempat yang penuh dengan pelbagai kemudahan.<br><br>2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?<br><br>Boleh belajar cara-cara menggunakan komputer dan internet dengan percuma<br><br>3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?<br><br>Dengan berbekalkan kemudahan komputer,kelas,dan tenaga pengajar,pelajar akan dapat belajar dengan berterusan dan konsisten.<br><br>4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lai)<br><br>Kelas yang diadakan tidak terhad pada kelas yang berasaskan ICT sahaja. Kelas yang pelbagai seperti kelas-kelas kraftangan mungkin lebih dapat menarik minat lebih ramai pengunjung. |